

SEMANGAT PERJUANGAN MELAYU*

Oleh:

ZAINAL ABIDIN bin ABDUL WAHID

Prakata:

Pihak pengajur Seminar ini telah meminta saya menumpukan pembicaraan tajuk ini kepada tempoh selepas Perang Dunia Kedua.

Oleh kerana kesuntukan masa maka kertas ini terpaksa diringkaskan. Dalam usaha menulis dengan ringkas ini, mungkin soal mutu telah terjejas.

Juga kertas ini menumpukan perhatian kepada Semenanjung Malaysia.

SELEPAS Perang Dunia Kedua, Semangat Perjuangan Melayu telah diasaskan, sebahagian besar daripadanya, kepada semangat atau faham kebangsaan Melayu. Faham kebangsaan Melayu bolehlah ditakrifkan sebagai usaha-usaha, kegiatan-kegiatan dan segala bentuk perjuangan yang bertujuan memelihara, memperbaiki dan memajukan kedudukan dan kepentingan-kepentingan orang Melayu dalam semua bidang — politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Tafsiran kepada Faham Kebangsaan Melayu itu mungkin berbeza sedikit di antara golongan-golongan yang tertentu, terutama dari segi tekanan kepada sesuatu perkara. Misalnya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) lebih mirip kepada merapatkan perhubungan Tanah Melayu dengan Indonesia dan menekankan soal anti-penjajahan. Ada pula golongan memberi tekanan kepada soal ugama, lebih daripada parti-parti Melayu yang lain.

Faham Kebangsaan Melayu mempunyai unsur-unsur politik, ugama, ekonomi dan kemasyarakatan. Unsur-unsur ini saling berkait. Sebagai contoh, takrif orang Melayu di dalam Perlembagaan Malaysia ialah seorang yang beragama Islam, berbahasa Melayu dan hidup mengikut adat resam Melayu.

Faham Kebangsaan Melayu telah menjelmakan dirinya, dalam bidang politik, apabila orang Melayu berjuang menentang Kesatuan Tanah Melayu atau lebih dikenali sebagai Malayan Union (MU) di tahun 1945/46. Menerusi persatuan-persatuan Melayu yang bergabung dalam Kongres Melayu SeMalaya dan kemudiannya menjadi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau lebih dikenali dengan nama UMNO, kebanyakan orang Melayu telah cuba mempertahankan hak ketuanannya sebagai pribumi Tanah Melayu. Kerajaan British, pada masa itu, telah cuba menghapuskan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan mencabul kebumiputeraan Melayu. Seiring dengan itu, Kerajaan British juga hendak memberi hak kerakyataan menerusi prinsip *jus soli* kepada penduduk-penduduk Tanah Melayu yang bukan Melayu. Kedua-dua langkah British ini merupakan gugatan yang hebat lagi merbahaya kepada kedudukan dan kepentingan orang Melayu. Semangat Perjuangan Melayu telah naik memuncak menentang langkah-langkah Kerajaan British

* Makalah ini pernah dibentangkan didalam seminar "SEJARAH INTELEKTUAL DAN PERJUANGAN KEBANGSAAN MELAYU", Seminar bersama Jabatan Pengajian Melayu dan Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, pada 18 November, 1978, diadakan sempena menyambut ulangtahun yang ke 25 Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (Oktober 1978 — September 1979) — Pengarang.

ini. UMNO mahu supaya kedaulatan Raja-Raja Melayu dikembalikan dan hak kerakyatan tidak diberi kepada orang bukan Melayu dengan cara *jus soli*.

Pada peringkat awal menentang Malayan Union, orang-orang Melayu telah bersatu-padu. PKMM yang merupakan parti politik yang terulung selepas Perang Dunia Kedua, telah turut serta dalam Kongres Melayu Sa Malaya dan juga penubuhan UMNO di Johor Bharu pada 11 Mei 1946. Tetapi perpaduan Melayu tidak berterusan. Dalam bulan Jun 1946, di Persidangan Agung UMNO yang diadakan di Ipoh, PKMM telah menarik diri dan keluar daripada Persidangan.

Pada zahirnya, perkara yang dipertikaikan ialah soal bendera UMNO tetapi yang sebenarnya adalah lebih dari itu. PKMM adalah anti-penjajahan. Kepada PKMM, kemudian bergabung dengan pertubuhan-pertubuhan Melayu lain menjadi Pusat Tenaga Rakyat atau PUTERA, perjuangan mengembalikan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan penentangan terhadap pemberian hak kerakyatan kepada orang-orang bukan Melayu, menerusi prinsip *jus soli*, adalah tidak mencukupi. PKMM mahu kuasa politik yang lebih. PKMM mahu hak mengundi. PKMM mahu sebuah majlis mesyuarat yang mempunyai kuasa, bukan yang seperti wayang kulit sahaja, iaitu yang didalangi oleh British.

Oleh kerana perasaan anti-penjajahan PKMM agak kuat maka ia lebih menumpukan perhatian kepada kegiatan anti-British. Dengan itu, PKMM sedia bekerjasama dengan golongan bukan Melayu untuk mendapatkan kuasa politik daripada Kerajaan British.

Jadi, sekurang-kurangnya ada 2 cara perjuangan orang Melayu pada masa itu — cara UMNO dan cara PKMM. Dari segi Semangat Perjuangan Melayu yang dilambangkan oleh UMNO pada ketika itu, Perjanjian Pesekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan satu kemenangan kerana Perjanjian itu mengembalikan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan membatalkan pemberian hak kerakyatan menerusi prinsip *jus soli*. Tetapi bagi PKMM, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 itu bukan satu kemenangan. PKMM dengan All-Malaya Council of Joint Action (AMCJA) telah menggubal satu Perlembagaan Rakyat yang merancang pemberian kuasa politik yang lebih daripada kerajaan British kepada rakyat Tanah Melayu, termasuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Tanah Melayu. Soal bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi ini sungguh menarik kerana AMCJA yang dipengerusikan oleh Tan Cheng Lock pada masa itu, tahun 1947, telah bersetuju dengan perkara ini. Tidak kurang pentingnya ialah penerimaan AMCJA tentang menamakan kewarganegaraan Tanah Melayu sebagai MELAYU.

Dua cara perjuangan yang terpenting di kalangan orang Melayu ini telah berakhir dengan timbulnya Darurat di tahun 1948. PKMM dengan rakan-rakan seperjuangannya seperti Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS) yang dianggap radikal dan kekirian telah diharamkan oleh Kerajaan British ataupun terpaksa membubarkan diri sendiri. Dengan berlakunya Darurat maka perjuangan kebangsaan Melayu bolehlah dikatakan telah dikendalikan oleh UMNO hinggalah lahirnya Parti Islam SeTanah Melayu (PAS) di tahun 1951.

Sebenarnya, sebelum PAS lahir, perjuangan menerusi parti politik yang menekankan soai agama Islam telahpun dimulakan oleh Hizbul Muslimin di tahun 1948. Tetapi umur Hizbul Muslimin adalah pendek kerana kebanyakan pemimpin-pemimpinnya seperti Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, telah ditangkap oleh Kerajaan British apabila Darurat bermula. Sungguhpun perkataan 'Islam' digunakan dalam nama Partai Islam Se Tanah Melayu tetapi

dari segi perjuangannya, PAS banyak menggunakan unsur-unsur Faham Kebangsaan Melayu sebagaimana yang terbukti di dalam manifestonya untuk Pilihanraya 1959. Misalnya :

Mengembalikan hak kedaulatan Melayu dan memberi keutamaan kepada orang-orang Melayu dalam bidang kerajaan dan pentadbiran. Menentukan supaya jawatan-jawatan Perdana Menteri, Menteri-Menteri, Menteri Muda-Menteri Muda, Gabnor-Gabnor dan Ketua-Ketua Angkatan Bersenjata hendaklah dipegang oleh orang Melayu.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di peringkat awal tadi, satu daripada penjelmaan perjuangan politik Melayu ialah yang dilambangkan oleh Malayan Union. Perjuangan itu merupakan satu perjuangan yang telah menyatupadukan orang-orang Melayu sekurang-kurangnya bagi peringkat awal. Selepas PKMM keluar daripada UMNO dalam bulan Jun 1946, perjuangan UMNO adalah berasaskan kepada kepentingan bangsa Melayu. Cogan kata "Hidup Melayu" telah digunakan. UMNO pada masa itu cuba menjamin kedudukan orang-orang Melayu supaya tidak dinoda oleh orang-orang bukan Melayu menerusi kelonggaran hak kerakyatan dan kehilangan kedaulatan Raja-Raja Melayu, yang dirancang oleh Kerajaan British. Bolehlah dikatakan di peringkat awal perjuangan UMNO ini, ia tidak melahirkan keinginan untuk bekerjasama dengan orang-orang yang bukan Melayu, dari segi politik. Sikap ini berterusan hinggalah ke tahun 1948 apabila kita mula mendengar usaha-usaha bekerjasama di antara bangsa Melayu dan kaum-kaum lain menerusi Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum yang dikatakan didayautamakan oleh Encik Malcolm Macdonald.

Hasil daripada usaha Macdonald ini terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan tahun 1948, dalam mana kita saksikan bahawa UMNO telah sedia menerima orang-orang bukan Melayu sebagai rakyat Tanah Melayu sungguhpun dengan syarat-syarat agak yang ketat. Tetapi apa yang jelas ialah buat kali pertamanya orang-orang bukan Melayu telah dapat peluang untuk menjadi rakyat Tanah Melayu. Kesediaan untuk menerima orang-orang bukan Melayu ini sebagai rakyat Tanah Melayu dan kerjasama yang dilahirkan menerusi Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum merupakan petanda awal tentang kerjasama di antara bangsa Melayu dan kaum-kaum lain di Tanahair kita ini.

Soal yang timbul ialah Semangat Perjuangan Melayu di dalam UMNO masih belum padu terhadap kerjasama dengan orang-orang bukan Melayu. Jadi apabila Yang Di Pertua UMNO pada masa itu, Allahyarham Datuk Onn bin Jaafar, cuba hendak membuka pintu UMNO kepada orang-orang bukan Melayu sebagai ahli bersekutu, tentangan yang hebat telah timbul di dalam UMNO. Malahan tentangan telahpun timbul lebih awal lagi dari segi pemberian hak kerakyatan kepada yang bukan Melayu. Hasil daripada tentangan orang-orang di dalam UMNO terhadap langkah Datuk Onn bin Jaafar itu maka ia telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatan. Tetapi beliau telah dapat dipujuk semula untuk meneruskan perjuangannya di dalam UMNO.

Kemudian Datuk Onn bergerak selangkah lagi. Ia cuba hendak menukar UMNO dari sebuah parti Melayu kepada sebuah parti warganegara Tanah Melayu dengan tidak mengira keturunan, baik Melayu ataupun bukan Melayu. Jadi, United Malays National Organization hendak ditukar menjadi United Malaya National Organization. Sekali lagi timbul tentangan yang hebat dari orang-orang UMNO yang akhirnya menyebabkan Datuk Onn terpaksa meletakkan jawatan sebagai Yang DiPertua UMNO dan digantikan oleh

Tunku Abdul Rahman Putera di tahun 1951.

Perkembangan selepas Tunku Abdul Rahman mengambilalih teraju pimpinan UMNO agak menarik kerana apabila Datuk Onn meletakkan jawatan sebagai Yang DiPertua UMNO, satu daripada sebab pokoknya ialah penukaran parti UMNO daripada parti Melayu menjadi parti semua rakyat Tanah Melayu yang berasaskan kepada konsep kerjasama di antara semua rakyat Tanah Melayu. Jika dipandang sepintas lalu, orang-orang UMNO pada masa itu, yang menentang Datuk Onn, mungkin boleh diandaikan tidak begitu sedia bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu. Tetapi apabila Datuk Onn telah menubuhkan parti Kemerdekaan Tanah Melayu ataupun dalam bahasa Inggeris, Independence of Malaya Party (IMP) dan IMP hendak bertanding di dalam pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur (1952) maka timbullah satu persefahaman di antara UMNO Kuala Lumpur dengan pihak MCA Selangor agar mereka dapat bekerjasama bagi menentang IMP dalam pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur itu. Inilah sebenarnya permulaan Parti Perikatan.

Jadi dalam tempoh yang agak singkat iaitu selama lebih kurang 5 tahun kita telah dapat melihat satu perubahan yang besar dalam UMNO, dari segi kerjasama dengan orang-orang bukan Melayu. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa dengan kejayaan UMNO dan MCA dalam pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur 1952 itu maka bermulalah perundingan yang disertai juga oleh Kongres India Tanah Melayu (MIC). Sungguhpun Parti Perikatan telah seia-sekata dalam banyak hal tetapi, dalam beberapa perkara, mereka telah bersetuju untuk tidak bersetuju. Perkara ini tercatat di dalam Memorandum yang dikemukakan oleh Parti Perikatan kepada Suruhanjaya Perlembagaan Reid. Hasil daripada kerja-kerja yang dijalankan oleh Suruhanjaya Reid maka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah dilahirkan.

Apabila UMNO mula bekerjasama dengan orang-orang bukan Melayu selepas tahun 1948, ada anggota-anggota UMNO yang tidak begitu senang dengan perkembangan ini. Apabila kerjasama di antara UMNO dan bukan Melayu makin bertambah nyata maka timbullah di dalam UMNO kumpulan-kumpulan yang merasakan bahawa kepentingan bangsa Melayu hendaklah dijaga menerusi sebuah parti yang agak lebih kuat pendiriannya dan tidak begitu senang bertolak-ansur dengan orang-orang bukan Melayu. Kebanyakan orang-orang yang merasa tidak senang terhadap perkembangan di dalam UMNO pada masa itu terdiri daripada golongan yang boleh dikatakan golongan agama. Menerusi kegiatan mereka inilah maka Parti Islam Se Tanah Melayu telah dilahirkan di tahun 1951.

PAS, sebagai sebuah parti yang dianggap berteraskan unsur-unsur agama Islam, juga menitikberatkan perkara-perkara yang berkenaan dengan Fahaman Kebangsaan Melayu. Dalam masa UMNO bertolak-ansur dengan MCA dan MIC, PAS melaungkan supaya kedudukan politik Melayu hendaklah dijaga dengan lebih teliti dan jangan ditolak-ansurkan dengan senang.

Selepas pengisytiharan Kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957 perjuangan UMNO mula nampak kurang kuat kemelayuannya. Sungguhpun dasar-dasar yang telah dipersetujui oleh Parti Perikatan bolehlah dikatakan baik tetapi dari segi pelaksanaannya terdapat banyak kelemahan. Dalam bidang pelajaran, Penyata Pelajaran Razak yang menjadi asas kepada Undang-undang Pelajaran 1957 telah tidak dilaksanakan dengan berkesan hingga menyebabkan ramai guru-guru Melayu berasa tidak 'puas hati dan keluar beramai-ramai daripada UMNO. Dalam pelaksanaan Perkara 153 juga terdapat beberapa kelemahan. Misalnya dalam pemberian biasiswa, nisbah pemberian di antara Melayu dan yang bukan

Melayu telah tidak dipatuhi. Sepatutnya orang-orang Melayu menerima 75% daripada biasiswa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan 25% untuk yang bukan Melayu. Tujuan mengadakan nisbah yang seperti ini ialah untuk memajukan kedudukan orang-orang Melayu dalam berbagai bidang. Adalah diharapkan bahawa pemberian biasiswa yang lebih kepada Melayu akan dapat mengimbangkan kedudukan di antara orang-orang Melayu dan yang bukan Melayu. Tetapi malangnya langkah ini telah tidak dijalankan dengan tegas dan apabila pemberian biasiswa ini dikaji semula di tahun 1968 maka didapati orang-orang Melayu yang sepatutnya menerima 75% daripada biasiswa Persekutuan cuma telah menerima 49% saja. Sebaliknya orang-orang bukan Melayu yang sepatutnya menerima 25% daripada biasiswa itu telah menerima jauh lebih banyak iaitu 51%. Ketidakeimbangan ini berlaku diantara tahun 1956 hingga 1968.

Dalam soal hendak menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal di tahun 1967, sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Parti Perikatan, ini juga telah tidak dilaksanakan dengan penuh. Perkara-perkara yang seperti ini berterusan di dalam Sejarah Perjuangan UMNO hinggalah tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Satu daripada sebab pokok tercetusnya Peristiwa 13 Mei itu ialah perasaan tidak puas hati, perasaan marah di kalangan orang-orang Melayu oleh kerana mereka telah dijanjikan dengan berbagai janji dan kemudahan tetapi tidak ditunaikan dengan memuaskan. Beberapa contoh telah pun diberi di atas tadi. Banyak lagi contoh lain yang boleh diberi tetapi bukanlah tujuan kertas ini untuk menulis sebab-sebab tercetusnya Peristiwa Mei 13. Cuma yang hendak ditegaskan di sini ialah Peristiwa Mei 13 merupakan kemuncak kepada perasaan tidak puas-hati orang-orang Melayu terhadap perjuangan UMNO yang dianggap oleh mereka sebagai terlampau bertolak-ansur dengan MCA dan MIC hinggalah kepentingan-kepentingan orang-orang Melayu terjejas dengan buruk.

Perjuangan orang Melayu selepas Merdeka agak lebih banyak ditumpukan kepada soal pelajaran, bahasa, ekonomi dan kebudayaan. Dalam bidang pelajaran usaha-usaha telah dijalankan bagi melaksanakan dengan tegas syor-syor yang terkandung di dalam Penyata Pelajaran Razak dan Rahman Talib yang tujuan pokoknya ialah untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di dalam sistem pendidikan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia. Dalam bidang bahasa pula, perjuangan orang Melayu ditumpukan kepada soal hendak menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal di tahun 1967, sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Parti Perikatan yang telah berkuasa semenjak tahun 1955. Perjuangan Melayu dalam bidang pelajaran dan bahasa ini berkait rapat dengan soal memperbaiki dan memajukan kedudukan ekonomi orang Melayu. Ramai orang Melayu yang berpendapat bahawa masa depan bangsa Melayu adalah bergantung kuat kepada soal pelajaran. Soal pelajaran ini pula berhubungan rapat dengan soal menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal, oleh kerana perkembangan sejarah Tanahair kita ini di zaman yang lampau. Apa yang dimaksudkan di sini ialah dasar penjajahan British yang tidak menggalakkan perkembangan pelajaran aliran Melayu tetapi menggalakkan orang Melayu untuk menumpukan perhatian mereka kepada pelajaran aliran Melayu. Jadi, apa yang diperjuangkan oleh golongan Melayu dalam bidang bahasa dan pelajaran ini sebenarnya mempunyai unsur-unsur ekonomi yang kuat kerana kalau Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi yang tunggal maka segala bidang pentadbiran negara akan dijalankan di dalam Bahasa Melayu dan syarat-syarat untuk mendapatkan kerja ataupun biasiswa juga nanti memerlukan Bahasa Melayu. Dengan cara yang sedemikian maka kebanyakan orang-orang Melayu yang terdidik dalam aliran Melayu akan dapat peluang yang lebih dalam pekerjaan, biasiswa dan lain-lain lagi. Tidak pula dinafikan bahawa ada sebab-sebab lain yang mendorongkan pejuang-pejuang

bahasa dan pelajaran ini. Antara tujuan-tujuan ini ialah soal mencorakkan keperibadian kebangsaan Malaysia dan juga asas kebudayaan supaya bertunjungkan kepada unsur-unsur Melayu.

Unsur-unsur ekonomi dalam bidang pelajaran dan Bahasa Melayu ini perlu ditegaskan oleh kerana ada tuduhan-tuduhan yang dibuat bahawa pejuang-pejuang bahasa ini merupakan orang yang menganuti faham kebangsaan linguistik ataupun dalam bahasa Inggeris nya linguistic nationalism. Tuduhan-tuduhan ini adalah tidak benar dan tidak berasaskan kepada penyelidikan. Di dalam tahun-tahun 1965 hingga ke Peristiwa 13 Mei sering terdengar rintihan pelajar-pelajar aliran Melayu yang berkelulusan Sijil Pertama dalam peperiksaan Tingkatan 5 tetapi telah tidak mendapat peluang untuk bekerja. Sebenarnya pada ketika itu, nilai ekonomi Bahasa Melayu begitu rendah hingga hendak menjadi seorang tukang masak di Kementerian Pertahanan pun memerlukan kelulusan bahasa Inggeris. Rintihan dan penderitaan pelajar-pelajar aliran Melayu pada masa itu adalah satu hakikat sejarah yang tidak dapat dinafikan. Untuk mengatasi masalah yang besar ini maka pejuang-pejuang bahasa dan pelajaran aliran Melayu cuba mendesak agar dasar pelajaran kebangsaan dan dasar Bahasa Kebangsaan dilaksanakan dengan penuh dan tegas.

Dalam dua bidang ini, perjuangan yang dilambangkan oleh UMNO bolehlah dikatakan terlampau diresapi oleh sikap tolak-ansur. Pemimpin-pemimpin UMNO pada masa itu tidak bersikap tegas. Ada di kalangan mereka yang tidak menyedari penderitaan rakyat. Ada yang menganggap bahawa Malaysia pada masa itu begitu makmur hingga tergamak berkata bahawa beliau adalah Perdana Menteri yang gembira sekali di dalam dunia ini. Dalam keadaan yang sedemikian orang-orang Melayu yang sedar dan berani bertindak telah cuba membangkitkan Semangat Perjuangan Melayu supaya mereka berani menentang penyelewengan-penyelewengan yang telah berlaku agar masa depan bangsa Melayu dapat dijamin. Pada ketika itu juga, PAS telah dapat memainkan peranan sebagai pengganti pilihan kepada UMNO. PAS pada masa itu dapat menonjolkan dirinya sebagai sebuah parti politik yang lebih tegas dalam Semangat Perjuangan Melayunya.

PAS telah menampung dan menggunakan rasa tidak puas hati orang-orang Melayu. Kedudukan PAS sebagai pejuang Faham Kebangsaan Melayu yang lebih tegas jika dibandingkan dengan UMNO telah terbukti dalam Pilihanraya 1969 apabila PAS telah berjaya mendapat lebih kurang 50% daripada undi-undi orang Melayu. Tetapi ada satu perkara yang ingin ditegaskan di sini bahawa, pada pendapat saya, sokongan yang diterima oleh PAS daripada orang-orang Melayu pada masa itu bukanlah diasaskan kepada perasaan penuh cinta kepada agama Islam, mereka adalah lebih didorongkan oleh perasaan yang berkait rapat dengan unsur-unsur Faham Kebangsaan Melayu.

Selepas Peristiwa Mei 13 pemimpin-pemimpin Melayu bertambah sedar dan tegas dalam Semangat Perjuangan Melayu mereka. Hasil daripada keinsafan ini maka kita telah dapat melihat beberapa undang-undang baru yang boleh dianggap sebagai usaha tegas bagi memperbaiki dan memajukan kedudukan orang Melayu dalam semua bidang. Sikap tegas ini berterusan untuk beberapa tahun dan dengan usaha UMNO yang sedemikian rupa maka beberapa titik pertemuan telah timbul di antara UMNO dan PAS. Hasil daripada titik-titik pertemuan ini maka kita telah melihat kemasukan PAS ke dalam Kerajaan Perikatan dan seterusnya timbul pula Barisan Nasional.

Kemasukan PAS ke dalam Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional merupakan satu perubahan besar dalam cara perjuangan Melayu. Dari satu segi, ia seakan-akan

mengulang peristiwa peringkat awal Malayan Union, iaitu perpaduan orang Melayu. Tetapi perbezaan besarnya ialah di tahun 1946 tidak wujud kerjasama antara UMNO dengan parti-parti bukan Melayu. Beberapa tafsiran telah diberi tentang kemasukan PAS ini. Antaranya :

- (i) Sebagai pertemuan matlamat perjuangan antara UMNO dan PAS dan juga cara-cara perjuangannya,
- (ii) Kesedaran tentang perlunya perpaduan di kalangan Melayu supaya percakaran dapat dikurangkan, kalau tidak pun dihapuskan,
- (iii) Percubaan memasukkan dengan lebih banyak lagi unsur-unsur Islam ke dalam UMNO,
- (iv) Tarikan jawatan dan kuasa.

Dengan masuknya PAS ke dalam Perikatan dahulu maka hilanglah peranannya sebagai benteng kepada tuntutan-tuntutan MCA yang agak melampau. Peranannya sebagai pengimbang kepada DAP juga lupt.

Dari satu segi, kemasukan PAS dianggap sebagai menguatkan Melayu kerana wujudnya perpaduan. Tetapi ada juga kelemahannya seperti kehilangan perasaan sebagai benteng. Selain dari itu, bersetujunya PAS masuk boleh diandaikan bahawa PAS telah berpuas hati dengan perjuangan UMNO untuk orang Melayu. Jadi, golongan bukan Melayu dalam Perikatan, dan kemudiannya Barisan Nasional, boleh menganggap bahawa kepentingan-kepentingan Melayu telah mendapat layanan yang memuaskan. Keadaan ini membolehkan parti-parti bukan Melayu mendesak dengan lebih kuat.

Apabila PAS keluar daripada Barisan Nasional maka keadaan sebelum ia masuk wujud semula, sungguhpun kekuatannya merosot.

Ada beberapa perkara yang tidak sempat dibicarakan. Antaranya :

- (i) Parti Rakyat dan faham sosialis serta hubungannya dengan Semangat Perjuangan Melayu,
- (ii) Peranan orang Melayu dalam parti-parti yang bukan Melayu seperti Parti Boroh dan Pekemas,
- (iii) Parti Negara dan Parti-parti Melayu kecil yang lain
- (iv) Perjuangan orang-orang Melayu yang tidak menjadi ahli mana-mana parti politik pun, termasuk golongan pelajar.

Semangat Perjuangan Melayu hari ini sedang menghadapi cabaran yang hebat. Nam-paknya, semakin jauh kita beredar dari Peristiwa Mei 13, semakin lupa kita kepada pengajarannya. Sebagai contohnya, kita dapat melihat dari isu-isu berikut :

- (i) Desakan untuk mendirikan Universiti Merdeka
- (ii) Peningkatan Kolej Tunku Abdul Rahman ke taraf Universiti
- (iii) Mendirikan cawangan-cawangan KTAR
- (iv) Kemasukan pelajar-pelajar bukan Melayu ke Universiti-universiti di Malaysia
- (v) Usaha-usaha untuk menonjolkan unsur-unsur kebudayaan yang bukan asli kepada Malaysia
- (vi) Ketidaksihinggaan dasar-dasar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan; sebaliknya tekanan terhadap orang-orang yang cuba melaksanakan dasar Kerajaan sendiri

- (vii) Terasnya wujud suasana ketidakadilan seperti:
- (a) yang cuba menjalankan tugas dengan betul dan tegas menghadapi kesulitan seperti fitnah;
 - (b) yang pandai berpura-pura dan bermuka-muka mendapat tempat;
 - (c) yang berani menyatakan kebenaran menerima tekanan;
 - (d) yang diketahui rasuah tetapi tidak menentang, akan dapat hidup 'selamat';
 - (e) yang menyeleweng tetapi penting dari segi politik, mendapat keluangan.

Perkara-perkara yang seperti ini telah, sedang dan akan menjejaskan Semangat Perjuangan Melayu dan masa depan negara kita.

Satu daripada masaalah pokok yang dihadapi dalam memperjuangkan hak dan kepentingan orang Melayu ialah soal kejujuran. Kejujuran yang dimaksudkan di sini adalah dalam artikata yang luas, termasuklah soal tidak menunaikan janji-janji dalam pilihanraya, tidak melaksanakan dengan penuh dasar-dasar kerajaan, tidak menunaikan tugas dengan memuaskan oleh pegawai-pegawai kerajaan dan orang-orang Melayu yang memegang jawatan-jawatan penting. Ketidakjujuran ini menjadi satu perkara yang melemahkan dan merosakkan semangat perjuangan Melayu. Misalnya ketidakjujuran berlaku apabila seorang ahli politik, pentadbir atau pensyarah Melayu tidak menunaikan tugasnya dengan benar dan betul. Akibat dari ketidakjujurannya itu, ia mungkin terlibat dalam bidang rasuah. Rasuah juga mempunyai makna yang luas, bukan terhad kepada sogokan wang sahaja tetapi juga kepada rasuah sikap. Seseorang itu rasuah apabila ia tidak mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perkara-perkara yang telah menyeleweng. Ketidakjujuran juga timbul apabila orang-orang Melayu tidak menyatakan sesuatu yang benar, terutama bagi mereka yang mempunyai kedudukan dan berdamping dengan menteri-menteri. Apa yang lazim berlaku ialah orang Melayu yang berkedudukan ini suka menyatakan sesuatu kepada Pak Menteri tentang perkara-perkara yang mereka tahu Pak Menteri akan suka mendengarnya. Bagi Pak Menteri pula mereka akan lebih senang bermesra dengan seseorang pegawai ataupun orang-orang Melayu yang sedia akur kepada apa yang dikehendakinya dan juga tidak membangkitkan persoalan-persoalan yang mungkin menimbulkan masaalah kepada dirinya atau kepada partinya. Perkara-perkara yang seperti inilah yang telah membolehkan berlakunya Peristiwa 13 Mei.

Bagi orang-orang Melayu yang berpelajaran, penerusan perkara-perkara yang seperti ini hendaklah dianggap sebagai satu perkara yang sangat membahayakan semangat perjuangan dan masa depan bangsa Melayu. Ketidakjujuran dan rasuah ini akan merupakan seperti 'api dalam sekam'. Ia memakan diri dari dalam. Golongan terpelajar Melayu hendaklah berusaha sedayaupaya supaya menanamkan sifat kejujuran ini bukan sahaja di dalam diri mereka sendiri tetapi juga di kalangan pemimpin-pemimpin kita dan di kalangan rakyat keseluruhannya. Pemimpin-pemimpin kita adalah orang yang pada masa sekarang berkuasa dan mereka boleh membuat dasar-dasar yang tertentu. Jadi jika sifat kejujuran ini tidak terdapat di kalangan mereka dan juga di kalangan golongan Melayu yang terpelajar maka kepada siapakah orang Melayu hendak bersandar atau bergantung?

Satu daripada cara penyelesaian yang jelas ialah orang Melayu hendaklah berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam kerana menerusi ajaran-ajaran Islam sahajalah mereka akan dapat berpendirian yang sebenar-benarnya jujur. Kalau mereka jujur maka mereka akan menjalankan tugasnya dengan penuh dan betul; mereka tidak akan senang dapat diselewengkan ataupun menyeleweng. Segala janji akan ditunaikan, segala dasar akan

dilaksanakan. Mereka akan bersikap syukur dengan tidak mengurangkan ikhtiar. Mereka tidak akan berfitnah. Mereka tidak akan bersikap pura-pura, pepat di luar rencong di dalam. Mereka akan berpendirian tegas kerana mereka mempunyai prinsip. Kalau semua ini berlaku maka masadepan bangsa Melayu akan terjamin. Kalau masa depan bangsa Melayu terjamin maka cerahlah masa depan Malaysia dan segala penduduknya. Selagi kedudukan orang Melayu jauh tertinggal ke belakang maka sekian lamalah penubuhan satu bangsa Malaysia yang saling menghormati antara satu sama lain, yang sedia bekerjasama dan sedia menumpukan taat setia sepenuhnya kepada negara ini akan terbantut. Oleh itu, memperbaiki dan memajukan kedudukan orang Melayu di dalam negaranya sendiri bukanlah satu soal perkauman. Ia merupakan satu soal kebangsaan yang sangat besar lagi penting. Sebagai warganegara Malaysia marilah kita bersama-sama berusaha seberapa daya yang boleh untuk menyatakan kebenaran, membasmiakan penyelewengan agar dapat negara Malaysia yang dicintai ini hidup berkembang dengan makmur, aman dan maju jaya.